

07 MAR 1999

Mahathir-Disiplin

RAKYAT PERLU TERUS BERDISIPLIN DAN AMALKAN PERATURAN

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Rakyat negara ini perlu mengekalkan disiplin dan mengamalkan peraturan bagi memastikan negara terus aman dan maju, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya setiap rakyat juga mesti mengawal hawa nafsu dan perasaan serta berpegang kepada aturan peraturan untuk menjayakan kedaulatan undang-undang.

"Untuk menjayakan kedaulatan undang-undang, kita perlu kawal nafsu kita," katanya semasa merasmikan acara "Senaman Raksasa Berjiwa Patriotik" anjuran bersama MCA dengan tiga pertubuhan senaman tradisi Cina di Dataran Merdeka di sini.

Beliau berkata menerusi disiplin serta mengikut aturan peraturan, rakyat pelbagai kaum di negara ini dapat hidup dengan aman dan berupaya mempertahankan negara daripada tunduk kepada mana-mana kuasa asing.

"Kalau kita perhatikan, negara kita tidak mudah ditewas oleh pihak lain.

"Walaupun terdapat percubaan yang menekan kita supaya tunduk kepada beberapa agensi asing, yang objektifnya bertujuan melemahkan kita, tetapi usaha itu gagal kerana rakyat kita setia dan berdisiplin," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun pelbagai percubaan dibuat untuk meniru cara buruk dan tidak berdisiplin dengan mengadakan demonstrasi serta tunjuk perasaan, majoriti rakyat Malaysia lebih suka berpegang kepada aturan peraturan serta hidup dengan cara yang tertib dan tersusun.

Katanya aturan peraturan hanya berguna jika ia diikuti dan dihormati.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada MCA kerana telah menjalankan pelbagai usaha serta aktiviti bagi memupuk disiplin dan semangat cintakan negara.

Beliau berkata ia adalah satu petanda baik kepada negara kerana disiplin dan semangat cintakan negara itu bukan sahaja di kalangan anggota MCA malah seluruh masyarakat Cina dan bangsa lain yang menyertai usaha parti itu.

"Kita tidak boleh nafi bahawa ekonomi kita menjadi kuat kerana kecekapan dan kepintaran orang Cina dalam bidang ekonomi, perniagaan dan perusahaan.

"Kerana kemampuan mereka (orang Cina), kedudukan ekonomi dan kewangan kita tidak terjejas walaupun ringgit dijatuhkan harganya dan saham kita diturunkan nilai. Inilah hasil daripada disiplin mengikut aturan peraturan dan berpegang kepada undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia mempunyai rakyat yang berbilang kaum mereka mempunyai sikap toleransi terhadap budaya, bahasa serta nilai hidup kaum lain dan hidup dengan aman dan selesa.

Katanya budaya kaum Cina di negara ini masih kukuh walaupun dipengaruhi unsur-unsur budaya tempatan dan ia adalah satu petanda baik kepada kedamaian dan perpaduan rakyat.

Perdana Menteri juga melahirkan keyakinan bahawa acara senaman raksasa yang diadakan hari ini dapat menolong membentuk rakyat yang setia dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau berkata mengamalkan senaman tradisi Cina seperti taiji, neitankung dan waitankung dapat mengawal perasaan serta hawa nafsu seseorang dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan negara yang stabil dan berupaya mempertahankan kedaulatan serta menyelamatkan negara daripada serangan pihak asing.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan isteri Datin Ena Ling, Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek serta beberapa menteri dan timbalan menteri dari MCA.

Siti Hasmah dan Ena Ling menyertai kira-kira 5,000 orang mengambil bahagian dalam senaman raksasa itu yang dianjurkan oleh Gabungan Pertubuhan Waitankung, Gabungan Persatuan Taiji Qi Gong Bercorak 18 Se-Malaysia dan Neitankung Malaysia.

-- BERNAMA

HS AKD